

**KAEDAH PENULISAN ILMIAH YANG
DITERIMA PAKAI PENSYARAH JPTV
KUiTTHO**

MD. FADZIL BIN HASBOLLAH

Kajian Kes ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat
penganugerahan Izajah Sarjana Pendidikan (Teknik dan
Vokasional)



SEPTEMBER 2002

*Sekalung doa buat Ayahanda dan Bonda
Ya Rabbi ampunilah dosa-dosa kedua mereka dan
Kasihilah mereka sebagai mana mereka mengasihiku semasa kecil*

*Ya Rabbi
Berilah kebaikan kepadaku di dunia dan di akhirat
Dan jauhkan aku dari azab api neraka
Aminn.*



PTT AURHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T yang maha pengasih, pemurah lagi penyayang serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Rasulullah s.a.w. Dipanjatkan rasa penuh kesyukuran kerana dengan izin dan limpah kurniaNya maka saya dapat menyiapkan projek sarjana ini sepetimana yang sepatutnya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Tuan Haji Ali bin Suradin selaku penyelia projek, di atas bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang tempoh penyediaan kertas kajian ini.

Sekalung budi dan penghargaan juga ditujukan kepada Encik Mohd Izam bin Ghazali dan Dr. Wan Rashid bin Wan Ahmad selaku penilai yang sudi memberikan saranan, cadangan dan nasihat dalam membantu meningkatkan kualiti kertas kajian ini.

Rakaman penghargaan juga diberikan kepada responden yang sudi meluangkan masa menjawab borang soal selidik dengan ikhlas dan jujur. Kepada penyelia dan rakan-rakan seperjuangan, khususnya saudara Md. Baharuddin, terima kasih atas idea dan pandangan terhadap kajian ini. Akhir kata, semoga segala bakti dan usaha yang telah dicurahkan akan diberkati dan dirahmati Allah S.W.T.

Terima Kasih dan Wassalam

ABSTRAK

Kepentingan kaedah penulisan dalam pengajian diperingkat sarjana dan PhD semakin tinggi berbanding diperingkat sarjana muda dan sebelumnya. Sejauh manakah kepentingan tersebut dan apakah yang dimaksudkan dengan elemen-elemen penulisan harus diuraikan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kepentingan kaedah penulisan dan elemen-elemen terpenting dalam kaedah penulisan ilmiah yang menyumbang kepada mutu sesuatu penulisan. Respondan kajian ini terdiri dari sebilangan 15 orang pensyarah terlibat yang diyakini secara statistik akan mewakili populasi keseluruhan pensyarah Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional. Kajian ini akan menggunakan kaedah soalan soal selidik dan temubual untuk mengutip data dalam mengenal pasti unsur-unsur kaedah penulisan penting yang dititik beratkan pensyarah dalam pemarkahan sesuatu penulisan. Keputusan kajian akan dianalisis secara *descriptive statistic*. Kajian yang berbentuk gabungan Kajian Kuantitatif dan Kajian Tinjauan ini telah mendapati bahawa kepentingan kaedah penulisan menyumbang sebanyak 20 peratus dari pemarkahan suatu penulisan. Kajian ini juga telah mengenalpasti urutan kepentingan elemen-elemen penulisan dalam kaedah penulisan iaitu Disiplin penulisan, Jenis penulisan, Struktur Idea, Format dokumentasi, Struktur ayat, Reka bentuk mukasurat dan Gaya penulisan.

ABSTRACT

The importance of writing method for graduate student increase as they move up to post graduate level as well as PhD. Therefore, the purpose of this research is to identify the importance of writing method and its elements that contribute to a good writing. The evaluation on the subject will be done by lecturers from this programme. 15 lecturers have been selected to be a statistically representative sample for the research. The research will apply questionnaire and interview method as the research instrument. Data collected was analyzed via descriptive statistic methods. The outcome of this research shows that writing method gives 20 percent contributions to writing assessment. This research has also identified seven important elements in writing methods, which are Writing discipline, Type of writing, Structure of ideas, Documentation system, Structure of sentence, page design and writing style.



KANDUNGAN

| BAB | PERKARA | MUKA SURAT |
|------------|-----------------------|-------------------|
| | ABSTRAK | v |
| | ABSTRACT | vi |
| | KANDUNGAN | vii |
| | SENARAI JADUAL | ix |
| | SENARAI RAJAH | x |

**BAHAGIAN SATU
PENGENALAN****BAB I****PENGENALAN**

| | |
|---|---|
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar belakang masalah | 2 |
| 1.3 Penyataan Masalah | 4 |
| 1.4 Persoalan Kajian | 5 |
| 1.5 Objektif Kajian | 5 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 5 |
| 1.7 Batasan Kajian | 6 |
| 1.8 Definasi Istilah | 6 |
| 1 - Kaedah penulisan | 6 |
| 2 - Penulisan Ilmiah | 7 |
| 3 - Strategi (jenis) penulisan | 7 |
| 4 - Pengstrukturran idea | 7 |
| 5 - Prinsip pemikiran kritikal (dalam Penulisan) | 8 |
| 6 - Ayat yang baik | 8 |
| 7 - Tanda-tanda penulisan | 8 |
| 8 - Disiplin Penulisan | 8 |
| 9 - Sistem dokumentasi | 9 |
| 10 Penilaian penulisan | 9 |
| 11 Kaedah penulisan yang diterima Pakai oleh pensyarah. | 9 |

**BAHAGIAN DUA
KAJIAN LITERATOR**

BAB II

KAJIAN LITERATOR

| | |
|--|----|
| 2.1 Pendahuluan | 10 |
| 2.2 Eksplorasi penulisan | 11 |
| 2.3 Disiplin penulisan | 11 |
| 2.3.1 Perbezaan dalam disiplin penulisan | 12 |
| 2.4 Jenis-jenis penulisan | 14 |
| 2.5 Pengstrukturkan idea | 16 |
| 2.6 Sistem dokumentasi | 17 |
| 2.7 Gaya penulisan | 19 |
| 2.8 Struktur ayat | 21 |
| 2.9 Rekabentuk mukasurat | 21 |
| 2.10 Kerangka teori | 23 |

**BAHAGIAN TIGA
METODOLOGI KAJIAN**

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

| | |
|--|----|
| 3.1 Pengenalan | 24 |
| 3.2 Rekabentuk Kajian | 24 |
| 3.3 Prosedur Mengumpul Data | 25 |
| 3.4 Tempat dan masa kajian | 26 |
| 3.5 Populasi dan Persempelan | 26 |
| 3.6 Instrumenasi Kajian | 27 |
| 3.7 Analisis data | 28 |
| 3.8 Kesahan dan kebolehpercayaan Instrument melalui kajian rintis | 30 |
| 3.9 Andaian | 32 |

**BAHAGIAN EMPAT
ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN**

**ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN
BAB IV**

| | |
|---|----|
| 4.1 Pendahuluan | 33 |
| 4.2 Data Demografi | 34 |
| 4.3 Sumbangan kaedah penulisan dalam pemarkahan keseluruhan penulisan | 35 |
| 4.4 Elemen-elemen kaedah penulisan | 37 |

**BAHAGIAN LIMA
PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

BAB V

PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

| | |
|------------------|----|
| 5.1 Pendahuluan | 41 |
| 5.2 Perbincangan | 41 |
| 5.3 Rumusan | 43 |
| 5.4 Cadangan | 44 |



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Penulisan merupakan suatu faktor penting dalam penyampaian ilmu pengetahuan. Kaedah penulisan yang baik akan dapat menyampaikan idea-idea penulis kepada pembaca dengan lebih jelas lagi. Kaedah penulisan yang baik juga akan dapat mengelakkan kekeliruan dalam memahami maklumat yang ditulis dan tidak mudah disalahfahamkan oleh pembaca yang berbeza. Kaedah penulisan yang baik melibatkan gabungan dan olahan elemen-elemen kaedah penulisan secara sempurna dan kemas demi mencapai matlamat penulisan. Contoh unsur kaedah penulisan ialah sistem dokumentasi dan nahu. James, Andrew & Robert (1999) mencirikan penulisan yang baik terdiri dari idea yang berasas, kaedah penulisan dan struktur isi penulisan yang efektif.

Dalam bidang penulisan ilmiah terdapat pelbagai kaedah dan teknik penulisan yang diperkenalkan oleh pakar-pakar penulisan untuk memastikan keberkesanannya sesuatu penulisan. Beberapa perbezaan sering dapat dilihat dalam kaedah penulisan

mengikut keperluan dan bidang penulisan ilmiah. Perbezaan ini bersesuaian dengan subjek bidang penulisan dan juga golongan pembaca. (James, et. al, 1999)

Walaupun perbezaan yang timbul dalam kaedah penulisan ilmiah seperti yang dinyatakan di atas tidak mempengaruhi matlamat asal penulisan tersebut, namun ia sangat penting sebagai suatu imej awal persembahan penulis yang mampu menarik minat pembaca terhadap apa yang ditulis pada sekilas pandangan pertama dan membantu pembaca memahami dan menghayati isi tulisan dengan mudah. Kaedah penulisan yang baik juga akan mampu memperkuatkan sesuatu hujah secara lebih kritikal.

“As you shape your paper, it is important that the writing please you as well as your audience – that it satisfy your sense of what good writing is and what the writing task requires. You are, after all, your own first reader”

(James, et. al (1999, p 96)

1.2 Latar Belakang Masalah

Setiap pembaca akan membina persepsi yang tersendiri apabila melihat persembahan, gaya bahasa, contoh dan susunan aliran reka bentuk penulisan yang merupakan ciri-ciri dalam kaedah sesuatu penulisan. Secara psikologinya, pembaca cenderung untuk tertarik dan dipengaruhi oleh kaedah penulisan yang mudah difahami dan dihayatinya. Kaedah penulisan ini sering kali mirip kepada kaedah penulisan pembaca itu sendiri. Dalam konteks kajian ini, kegagalan pelajar untuk menyesuaikan kaedah penulisannya dengan kaedah penulisan pensyarah akan secara psikologinya mempengaruhi minat, tumpuan dan penghayatan pensyarah kepada penulisannya.(Holbrook, 1984)

Oleh itu kaedah penulisan merupakan sesuatu yang sangat penting dalam sesuatu penulisan kerana ia akan mempengaruhi pembaca untuk meneruskan pembacaannya dan membantunya dalam memahami isi penulisan. Sesuatu kaedah penulisan mungkin sesuai untuk sesetengah golongan pembaca sahaja. Suatu gaya perseimbahan penulisan yang menarik kepada seorang pembaca mungkin kurang menarik kepada pembaca lain. Perbezaan ini dipercayai dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti bidang akademik pembaca, tahap akademik pembaca, peringkat umur pembaca dan perbezaan persepsi pembaca terhadap kandungan tulisan. Kegagalan pelajar untuk menghasilkan penulisan yang selaras dengan bidang dan tahap akademiknya serta persepsi yang diharapkan pensyarah terhadapnya sering mempengaruhi pensyarah dalam memahami isi penulisannya.

Bagi seorang pelajar, kaedah penulisan yang sesuai dengan perspektif dan kecenderungan pensyarah akan menjadi suatu perseimbahan yang menarik yang merupakan aset dalam penulisannya dan akan memberikan impak positif dalam penilaian penulisannya. Secara tidak langsung ia diharap akan dapat memberikan sumbangan yang positif kepada penilaian akademiknya. Penyusunan isi dalam penulisan ilmiah sesuatu subjek yang tidak sesuai dengan penyusunan reka bentuk pengajaran pensyarah dalam subjek tersebut akan memberikan respon yang hambar seterusnya mengaburi isi penulisan tersebut dimata pensyarah.

Gaya bahasa dan contoh-contoh yang tidak sesuai dalam penulisan juga boleh menyebabkan kegagalan pelajar dalam menghuraikan sesuatu isu yang ditulis secara kritikal dan penghujahannya menjadi lemah. Kemampuan menghuraikan sesuatu isu dan idea secara kritikal merupakan suatu teknik yang penting dalam penulisan yang mampu mengukuhkan lagi penghujahan penulis pada perspektif pembaca. Kegagalan pelajar dalam memilih gaya bahasa dan contoh yang sesuai akan menyebabkan isu dan idea yang diulas kelihatan lemah dan tidak kritikal seterusnya tidak mampu mempengaruhi pensyarah. Keadaan ini sering kali menjelaskan penilaian penulisan tersebut oleh pensyarah.

Pelajar sering terlupa bahawa penilaian suatu penulisan banyak bergantung kepada bagaimana isi atau idea dipersembahkan mengikut kaedah penulisan penilaian. Persempahan isi serta idea ini hendaklah mampu untuk menarik minat dan tumpuan pensyarah. Justeru pelajar hendaklah fasih dengan kaedah penulisan yang paling berkesesuaian persis kaedah penulisan pensyarah terbabit dalam segenap aspek untuk mencapai tujuan tersebut. (Menurut, 1997),

"Depending on the amount of class time available for writing, the demands of the curriculum, the needs of the learners, and the comfort level of the learners and the teacher, variations in the process might occur...."

1.3 Penyataan Masalah

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kaedah kaedah penulisan ilmiah yang dibina pakai dikalangan pensyarah JPTV. Dapatan kajian ini akan dapat membantu pelajar dalam pemilihan kaedah penulisan yang sesuai dan dapat diterima oleh kebanyakan pensyarah. Kajian ini hendaklah merangkumi aspek-aspek penting kaedah penulisan seperti aliran reka bentuk penulisan, gaya bahasa, penggunaan nahu dan ayat yang betul serta contoh-contoh yang tepat mengikut kesesuaian subjek dan objektif penulisan. Ia juga akan dapat membantu pelajar mengentahui sumpangan kepentingan penulisan terhadap pemarkahan suatu penulisan.

1.4 Persoalan Kajian

1. Apakah kepentingan kaedah penulisan dalam penghasilan suatu penulisan yang bermutu pada pandangan kebanyakan pensyarah?
2. Apakah elemen-elemen dalam kaedah penulisan yang sering dititik beratkan oleh pensyarah dalam menilai sesuatu penulisan?.

1.5 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ialah untuk menilai sumbangan kaedah penulisan terhadap pemarkahan sesuatu penulisan. Ia dilakukan dengan mengenalpasti elemen-elemen kaedah penulisan mengikut urutan kepentingan yang diperolehi dengan bantuan instrumen kajian yang telah disahkan kesahannya. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat pengaruh latar belakang demografi terhadap elemen yang dikaji

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk mengatasi kemungkinan wujudnya pengaruh perbezaan kaedah penulisan terhadap penilaian sesuatu penulisan ilmiah. Contoh panduan penilaian kaedah penulisan yang teruji seterusnya boleh diterimakan oleh kedua-dua pihak penulis dan penilai dalam membantu suatu penulisan dan menyumbang dalam pencapaian peperiksannya.

1.7 Batasan Kajian

Responden kajian ini terdiri dari pensyarah yang terlibat dalam program Sarjana PTV sesi 2001/2. Objek kajian pula merupakan penulisan sebenar oleh pelajar Sarjana PTV sesi 2001/2 dari setiap pensyarah yang yang terlibat. Kajian ini memfokuskan kepada hasil penulisan bercorak ilmiah seperti kajian penyelidikan, laporan, ulasan artikel, kajian kes dan seumpamanya.

1.8 Difinisi Istilah

Dalam kajian ini terdapat beberapa istilah khusus yang digunakan untuk menjelaskan maksud tertentu. Keseluruhan penulisan ini akan menggunakan istilah-istilah tersebut mengikut definisi yang dijelaskan di bawah:

1. Kaedah Penulisan

Kaedah penulisan yang dimaksudkan dalam kajian ini merujuk kepada gabungan elemen-elemen penulisan seperti strategi (jenis) penulisan, pengstrukturkan idea, disiplin penulisan, gaya penulisan, Sistem dokumentasi, Sumber rujukan, ayat yang baik, tanda-tanda penulisan, tanda-tanda dalam perkataan, perenggan, reka bentuk muka surat, penulisan literatur dan prinsip pemikiran kritikal (John, 1996, Melinda, et. al. 1995 dan James, et.al. 1999)

2. Penulisan Ilmiah

Penulisan ilmiah merupakan suatu cabang penulisan yang bercorak akademik, persendirian dan teknikal yang digunakan mengikut sistem dokumentasi yang diterima pakai dalam bidang penulisan sejagat. Contohnya seperti kajian penyelidikan dan kajian kes untuk penulisan akademik, Laporan untuk penulisan teknikal dan jurnal untuk penulisan persendirian.(William, 2001).

3. Strategi (jenis) Penulisan

Strategi penulisan merujuk kepada bentuk-bentuk penulisan mengikut tujuan dan fungsinya seperti Penulisan Contoh, Penulisan Proses dan Penulisan Perbandingan. Bentuk penulisan akan menentukan gaya penghujahan idea yang hendak disampaikan.

4. Pengstrukturkan Idea

Pengstrukturkan idea merujuk kepada teknik penyusunan urutan idea yang teratur untuk memudahkan pembaca dalam memahami isi penulisan. Struktur penulisan yang dimulai dengan idea kasar dan diikuti oleh huraian dikenali sebagai struktur deduktif dan untuk struktur sebaliknya disebut induktif (Richard.& John, 1997).

5. Prinsip Pemikiran Kritikal (dalam Penulisan)

Prinsip pemikiran yang waras dan lateral dengan pemahaman yang jelas tentang objektif, permasalahan dan batasan-batasan sesuatu penulisan (Melinda & David,1995).

6. Ayat Yang Baik

Ayat yang ditulis dengan tanda bacaan yang tepat dan mampu menghuraikan idea secara sendiri mahupun bersekutu dengan ayat lain. Ayat yang baik juga dapat mencirikan suatu penulisan samada formal atau tidak (James, 1999)

7. Tanda-tanda Penulisan

Tanda-tanda dalam penulisan yang membantu menjelaskan isi penulisan dan mengaitkan bahagian-bahagian dalam ayat. Ia juga berfungsi dalam mencirikan jenis ayat. (Ted & Max,1998).

8. Disiplin Penulisan

Disiplin Penulisan merujuk kepada corak penulisan yang dibezakan oleh disiplin akademik penulis. Perbezaan yang timbul sangat ketara terutamanya dalam aspek sistem dokumentasi, strategi penulisan dan gaya penulisan. Gwendolyn, & Sam, (1995) dalam bukunya *A Writer's Repertoire* telah menunjukkan dengan jelas perbezaan ini untuk disiplin Kemanusiaan, Teknologi & Kejuruteraan serta Sains & Perubatan.

9. Sistem Dokumentasi

Sistem Dokumentasi merujuk kepada cara tulisan didokumenkan ia merangkumi kaedah menulis petikan di dalam ayat atau di dalam ruangan rujukan kaedah penulisan muka surat serta tanda-tanda ayat. Kaedah tersebut berbeza mengikut jenis dan disiplin penulisan. Terdapat dua sistem yang sering diguna pakai iaitu *Modern Language Association (MLA)* dan *American Psychological Association (APA)*. (Richard, 1997).

10. Penilaian Penulisan:

Penilaian penulisan merujuk kepada pemarkahan yang dibuat ke atas sesuatu penulisan oleh pensyarah dalam proses menilai kualiti penulisan tersebut. Ia secara tidak langsung mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

11. Kaedah Penulisan Yang Diterima Pakai Oleh Pensyarah

Kaedah penulisan yang akan menyumbang kepada pemarkahan yang baik oleh pensyarah dalam penilaian pencapaian akademik pelajar

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Penulisan merupakan suatu proses merekodkan suatu maklumat untuk disampaikan sebagai makluman kepada pembaca. Ia menjadi sesuatu yang mudah untuk seseorang pembaca. Namun kebanyakan penulisan mempunyai ramai pembaca dari pelbagai latar belakang dan keperluan yang berbeza, justeru menjadikannya sesuatu tidak semudah yang disangkakan. (William,,2001).

Terdapat berbagai sebab mengapa manusia menulis, ada yang bertujuan untuk kepuasan diri, memenuhi keperluan sesuatu kursus, menyebarkan idea untuk bacaan sendiri, orang tertentu atau bacaan ramai. (Melinda & David 1995).

2.2 Eksplorasi Penulisan

Dalam menghasilkan suatu penulisan yang baik, ia hendaklah dilakukan dengan teratur dan berstrategi. Dengan penyusunan yang sistematis, seseorang penulis akan dapat merancang, merangka dan menyiapkan sesuatu penulisan mengikut tujuan dan disiplin penulisan yang dikehendaki.

Menurut Beth Burch (1999) telah menulis suatu panduan kasar urutan proses penulisan sebagai:

1. Mendalami dan memahami topik yang hendak ditulis.
2. Melakukan sumbangsaran
3. Mencatat dapatan ‘brainstorming’ dan aturan isi secara bebas
4. Melakar struktur isi dalam bentuk rajah (peta minda) menunjukkan keseluruhan idea dan cuba mengaitkan antara satu sama lain
5. Membentuk dan mendefinisikan topik-topik
6. Membuat rujukan perpustakaan untuk mendalami idea
7. Membuat rujukan Internet.
8. Mula menaip

2.3 Disiplin Penulisan

Melinda, et. al. (1995) telah membahagikan bidang akademik kepada empat disiplin besar yang berbeza iaitu:

- a Bidang Kemanusiaan – Sejarah, Falsafah, Agama, Sastera dan Seni
- b. Sains Sosial – Antropologi, Sosiologi, Psikologi, Geografi, Pendidikan, Sains politik dan Ekonomi
- c. Sains Tulen dan Sains Gunaan – Biologi, Kimia, Fizik, Geologi, Kejuruteraan, Sains Komputer dan Matematik
- d. Bidang Profesional – Perniagaan, perubatan dan Perundangan

Perbezaan disiplin akademik ini akan membentuk perspektif yang berbeza kepada seseorang ahli akademik dalam melihat sesuatu isu dan idea. Dalam bidang penulisan, perbezaan ini akan memperlihatkan beberapa persamaan dan perbezaan. Antara persamaan dalam disiplin penulisan ialah seperti:

1. Semua kajian penyelidikan merujuk kepada sumber prima dan sekunder
2. Sistem dokumentasi yang sama digunakan seperti : Standard APA atau MLA
3. Semua penulisan menitikberatkan tujuan, pembaca dan penghujahan berasas.

2.3.1 Perbezaan Dalam Disiplin Penulisan

Perbezaan dalam disiplin penulisan akan mempengaruhi beberapa element penulisan yang lain seperti jenis pendekatan penulisan dan sistem dokumentasi.

Jadual 2.1: . Jenis-jenis penulisan mengikut disiplin penulisan

| Disiplin pengajian | Perbezaan |
|------------------------------|---|
| Bidang Kemanusiaan | Analisis, Penilaian dan analisis serta Kajian Penyelidikan |
| Sains Sosial | Laporan Lapangan, Kajian Kes, Kajian Literatur, Kajian Perpustakaan dan Kajian Penyelidikan |
| Sains Tulen dan Sains Gunaan | Penilaian dan analisis, Kajian penyelidikan dan laporan Makmal |
| Bidang Profesional | Memo, Surat, Surat Permohonan, Surat Pembentahanan, Resume dan Laporan |

Jadual 2.2: Jenis-jenis sistem dokumentasi mengikut disiplin penulisan

| Disiplin pengajian | Perbezaan |
|------------------------------|--|
| Bidang Kemanusiaan | <ul style="list-style-type: none"> - Boleh dikenali melalui dokumentasi muka surat, penulisan tahun dan penggunaan nota kaki. - Sering menggunakan format MLA dan APA |
| Sains Sosial | <ul style="list-style-type: none"> - Sering menggunakan format APA - Sering menggunakan kaedah kutipan |
| Sains Tulen dan Sains Gunaan | <ul style="list-style-type: none"> - Menggunakan sistem dokumentasi yang unik yang biasanya piawai bagi sesuatu organisasi seperti American Chemical Society (ACS), American Institute of Physics (AIP) dan Council of Biology Editors (CBE) |
| Bidang Profesional | <ul style="list-style-type: none"> - Penulisan artikel dan laporan dalam disiplin ini sering merujuk kepada keserasian dengan disiplin lain. - Sebagai contohnya laporan yang mirip sains sosial akan menggunakan format APA dan laporan dalam bidang Biologi akan menggunakan CBE. - Penulisan dalam bidang perniagan biasa sering menggunakan The Chicago Manual of Style (CMC), 14th ed., Chicago: University of Chicago Press, 1993. |

2.4 Jenis-jenis Penulisan

Margaret (1987) telah mengelaskan jenis-jenis pengembang penulisan kepada sembilan corak mengikut kepentingan dan keperluan sesuatu penulisan dibuat iaitu

1. '*Description*' – Penulisan yang menjelaskan suatu objek atau gambaran
Penjelasan hendaklah jelas dan tepat serta sangat sesuai disertakan dengan foto dan rajah yang berwarna-warni.
2. '*Narration*' – Penulisan yang menceritakan tentang peristiwa dan urutan kejadian sebagai suatu cerita.
3. '*Examples*' – Penulisan yang menggunakan contoh yang sesuai untuk menjelaskan pembaca. Jenis penulisan ini sering digunakan untuk menjelaskan isu yang abstrak.
4. '*Process*' – Penulisan yang menceritakan tentang sesuatu proses. Penulisan jenis ini memerlukan kepada susunan yang teratur mengikut susunan proses sebenar
5. '*Cause and Effect*' – Penulisan yang digunakan untuk menjawab sesuatu persoalan dengan mengaitkan sebab dan akibat.
6. '*Comparision & Contrast*' – Penulisan yang mengisahkan tentang persamaan dan perbezaan yang wujud antara dua atau lebih subjek.
7. '*Defination*' – Penulisan yang mentakrifkan sesuatu objek, istilah atau proses.
8. '*Division and Classification*' – Penulisan yang mengkategorikan sesuatu peristiwa, idea dan proses kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil untuk memudahkan pembaca.
9. '*Argumentation*' – Penulisan yang menghujahi sesuatu pendapat samada bercorak pro atau kontra terhadap pendapat tersebut.

Jay, Elaine & Diana (2000), dalam buku *Rules of Thumb: A guide for Writers*, Bab 2 telah menyenaraikan jenis reka bentuk asas penulisan sebagai:

1. Kronologi idea
2. Persembahan berbentuk cerita.
3. Penggunaan contoh dan hujah yang sesuai
4. Kronologi proses.
5. Perbandingan dan persamaan
6. Kategori dan jenis idea.
7. Permasalahan dan penyelesaian.
8. Kaitan sebab dan akibat.
9. Kaitan dengan kajian lalu.
10. Penghuraian yang kritikal.

Penulis yang baik sering mempraktikkan strategi penggunaan pelbagai jenis penulisan dalam membantu persembahan idea tulisan dengan lebih efektif. Sebagai contohnya strategi '*Description*' sering diikuti oleh '*Division & Classification*' dan diperkuuhkan dengan strategi '*Examples*' (Bruce, 1979). Dalam penulisan bercorak '*Description*' iaitu memperihalkan sesuatu proses atau objek, penggunaan strategi pengklasifikasian, pembahagian kepada bab-bab kecil dengan penggunaan contoh yang sesuai akan menjadikan penulisan lebih berkualiti.

Setelah mengenal pasti strategi penulisan yang akan digunakan barulah seseorang penulis boleh memulakan proses penulisan. Namun sebelum itu dia terlebih dahulu hendaklah menyedari disiplin akademiknya atau disiplin penulisan yang bakal dibuat. Proses penulisan akan bermula dengan pembinaan idea diikuti dengan penstrukturran idea.

2.5 Pengstrukturran Idea

Setiap penulisan hendaklah dimulakan dengan langkah pembinaan idea untuk mendapatkan sumber yang akan membina idea dan isi. Langkah ini termasuklah pengalaman sendiri, buku rujukan perpustakaan, jurnal, sumbangsaran penulisan bebas, langkah persoalan penulisan dan langkah tinjauan idea Aristotle yang dikategorikan sebagai maklumat prima manakala maklumat sekunder pula merupakan ulasan penulisan lain di dalam maklumat prima (Melinda, et al ,1995). Semua maklumat dan idea yang diperolehi seharusnya dicatat secara kasar bersama sumber rujukannya.

Dalam langkah pengstrukturran idea, kesemua idea dan maklumat ini seterusnya perlu diolah dan disusun membentuk struktur isi yang jelas dan bermakna. Penstrukturran isi penulisan membawa dua maksud iaitu menyusun maklumat menurut teknik pengstrukturran dokumen serta untuk mengetengahkan idea mengikut sistem dokumentasi yang betul. William (2001) telah menggariskan tiga garis panduan penstrukturran idea:

1. Struktur asas – Menghuraikan peraturan penting penulisan yang terdiri dari tiga prinsip utama.
 - a. Membahagikan isi kepada beberapa bahagian mengikut kepelbagaiannya golongan pembaca.
 - b. Memberikan penekanan kepada awal dan akhir setiap bahagian.
 - c. Mengulang kata kunci seberapa kerap yang sesuai.
2. Format ABC – Garis kasar tiga bahagian penting penulisan yang terdiri dari abstrak, badan dan kesimpulan. Penjelasan ketiga-tiga bahagian tersebut adalah seperti berikut:

BIBLIOGRAFI

- Armandet M.L & Barrett M.E (1984). “ Approaches to Academic Reading and Writing”. London: Prentice-Hall International Inc.
- Bello,T. (1997). “ Improving ESL Learners” *Writing Skills*. ERJC Digest.” Washington, DC: National Clearinghouse on ESL Literacy Education. (ED 350 887)
- Bruce, J. F. (1979). The Lonely Guy’s Book Of Life. Dari James, A. R., Andrew, W. H. & Robert, V. D.O. (1999). “Strategies for Successful Writing (5th ed.)”. (ms.182-189). Ney Jersey: Prentice Hall.
- Eugene R.H. (1985). “Informatif Writing”. New York: Mc Graw-Hill Book Company
- Fulwiler T. (1994). “The Working Writer”. London: Prentice-Hall International.
- Hasnah Ibrahim (1982). “ Menulis Untuk Berkommunikasi”. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Ismail Ahmad (1990). ”Gaya Dewan: Sebuah Panduan Kerja Penerbitan” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Margaret, P. C. (1987). “Communication Through Writing”. Ney Jersey: Prentice Hall.
- Melinda, G.K., Glean, L. & David Mead, C.(1995). “Prentice Hall Handbook For Writers”. Ney Jersey: Prentice Hall.

Mohd Azahar Abd Hamid et al (2001). " Pengenalan Kepada Penulisan Ilmiah". Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). "Penyelidikan Pendidikan". Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Md. Idris Mohd Noor (1995). "Asas ststistik Dan Penyeidikan Perubatan" . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

James, A.R., Andrew, W. H. & Robert, V.D.O. (1999). "Strategies for successful Writing" (5th ed.). Ney Jersey: Prentice Hall.

John, L. (1996). "College Writing Skills: Instructor's Edition" (4th ed.) USA: McGraw-Hill.

Jay, S., Elaine, H. & Diana, R. W. (2000). "Rules of Thumb: A guide for Writers "(4th ed.). USA: McGraw- Hill

Richard, V., Christopher, G.& John, C.(1997). "Writing,Reading And Research" (4th ed.). USA: Allyn and Bacon.

Ronald, F. L. & Bill, B. (2000). "The Longwood Guide to Writing". USA: Allyn and Bacon.

Ted, D.S. & Max, L.W.(1998). "Effective Writing". USA: McGraw- Hill

William, S.P. (2001). "Pocket guide to technical writing" (2nd ed.). Ney Jersey: Prentice Hall.